

**DI DALAM MAHKAMAH MAJISTRET DI KUANTAN
DALAM NEGERI PAHANG
GUAMAN SIVIL: CA-A72NCvC-372-11/2023**

ANTARA

LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA PLAINTIF

DAN

MG BULLIONS HOLDING SDN BHD

[No. Syarikat: 201901033271/1342601-K]

MUHAMMAD NUR HISYAM BIN CHE MAHMOOD

[No. Kad Pengenalan.: 941124036203]

MOHD AMLI BIN MAT ARSHAD

[No. Kad Pengenalan: 870315065239] DEFENDAN-DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

(Kandungan 9)

Pendahuluan

[1] Ini adalah rayuan defendan-defendan terhadap keputusan mahkamah ini yang telah membenarkan KM9 iaitu satu permohonan penghakiman terus terhadap defendan-defendan terhadap jumlah tunggakan caruman KWSP sebanyak RM57,197-00. Alasan ringkas adalah seperti berikut.



Latar Belakang Kes

[2] Plaintiff adalah sebuah pertubuhan yang diperbadankan di bawah Seksyen 3, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452), yang mempunyai alamat ibu pejabat di Bangunan Kumpulan Wan Simpanan Pekerja, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur dan yang mempunyai cawangannya di Bangunan KWSP, Bandar Indera Mahkota 25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

[3] Defendan pertama adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 dan mempunyai alamat berdaftar di B604, 2nd Floor, Taman Bandar Emas, Jalan Beserah, 25300 Kuantan, Pahang Darul Makmur dan alamat perniagaan di B24, Ground Floor, Jalan Tun Ismail 6, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

[4] Defendan kedua adalah individu yang mempunyai alamat penyerahan di No. 75, Kampung Dewan Beta, 15100 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim dan/atau No. 25, Lorong Permatang Badak Perdana 115, Perumahan Permatang Badak Perdana, 25150 Kuantan, Pahang Darul Makmur dan adalah pada segala masa yang material pengarah syarikat defendan pertama.

[5] Defendan ketiga adalah individu yang mempunyai alamat penyerahan di No. 343, Felda Lepar Hilir 2, 26300 Kuantan, Pahang dan adalah pada segala masa yang material pengarah syarikat defendan pertama.



[6] Pada setiap masa yang berkenaan, syarikat defendan pertama adalah majikan yang didefinisikan di bawah Seksyen 2 Akta KWSP tersebut dan bertanggungjawab untuk membayar caruman bulanan bagi pekerja-pekerjanya kepada plaintif. Mengikut peruntukkan Seksyen 43 dan Seksyen 45 Akta KWSP tersebut, syarikat defendan pertama dikehendaki membayar caruman bulanan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Peraturan 3 (1) Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2001 iaitu semua caruman hendaklah dikirimkan oleh majikan supaya sampai kepada plaintif tidak lewat daripada hari yang lima belas selepas akhir bulan yang berkenaan dengan mana caruman itu kena dibayar.

[7] Di dalam kes ini, plaintif mendakwa bahawa syarikat defendan pertama telah gagal, enggan dan/atau cuai untuk membayar tunggakan caruman KWSP pekerja-pekerjanya bagi tempoh bulan Februari 2023 sehingga April 2023 berjumlah RM57,197.00 kepada plaintif bersama-sama dengan dividen dan caj lewat bayar yang terakru di atas jumlah caruman prinsipal tersebut.

[8] Plaintif telah menghantar surat tuntutan bertarikh 17 Ogos 2023 kepada defendan-defendan, namun defendan-defendan masih gagal, enggan dan/atau cuai untuk membayar keseluruhan jumlah terhutang sepertimana yang tersebut di atas sehingga ke hari tindakan ini difailkan. Justeru itu, plaintif di dalam kes ini telah memfailkan notis permohonan untuk memasukkan penghakiman terus terhadap defendan-defendan melalui di kandungan 9. Mahkamah telah mendengar permohonan tersebut dan membenarkan kandungan 9 tersebut.



Notis Permohonan Penghakiman Terus di Kandungan 9

[9] Plaintiff telah memfailkan notis permohonan untuk memasukkan penghakiman terus di bawah **Aturan 14, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012** yang memperuntukkan seperti berikut:

“1. Permohonan oleh plaintiff untuk penghakiman terus (A. 14 k. 1)

Jika dalam suatu tindakan yang baginya kaedah ini terpakai suatu pernyataan tuntutan telah disampaikan kepada defendan dan defendan itu telah memasukkan kehadiran dalam tindakan itu, plaintiff boleh, atas alasan bahawa defendan tidak mempunyai pembelaan kepada suatu tuntutan yang termasuk dalam writ, atau kepada suatu bahagian tertentu suatu tuntutan itu, atau tidak mempunyai pembelaan mengenai suatu tuntutan itu atau sebahagian daripadanya kecuali tentang amaun apa-apa ganti rugi yang dituntut, memohon kepada Mahkamah untuk penghakiman terhadap defendan itu.”

[10] Satu affidavit sokongan telah pun difailkan oleh plaintiff di dalam kandungan 10 seperti mana yang diperuntukkan seperti di bawah:

“2. Cara bagaimana permohonan di bawah kaedah 1 hendak dibuat (A. 14 k. 2)



(1) Permohonan di bawah kaedah 1 mestilah disokong dengan suatu affidavit dalam Borang 13 menentusahkan fakta yang menjadi asas tuntutan, atau sebahagian daripada sesuatu tuntutan, yang permohonan berkaitan itu diasaskan dan menyatakan bahawa mengikut kepercayaan deponen tidak ada pembelaan terhadap tuntutan atau sebahagian daripada tuntutan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau tiada pembelaan kecuali tentang amaun ganti rugi yang dituntut.”

[11] Notis permohonan di kandungan 9 tersebut telah disokong oleh satu affidavit sokongan di kandungan 10 oleh Salisa Wati binti Mohd Rabai yang menyatakan bahawa defendan-defendan tidak mempunyai sebarang pembelaan bermerit dan/atau tidak terdapat sebarang isu-isu yang perlu dibicarakan. Seterusnya, beliau juga menyatakan bahawa satu perintah penghakiman terus haruslah dibenarkan memandangkan defendan-defendan jelas tiada pembelaan. (*'tiada pembelaan bermerit', kandungan 10, perenggan 25-26*).

Hujahan Defendan

[12] Defendan-defendan di dalam kes ini telah berhujah bahawa mereka tidak pernah menerima sebarang notis dan/atau dokumen atau butiran secara langsung daripada plaintif berkaitan dengan baki tunggakan amaun caruman KWSP tersebut. Defendan-defendan menyatakan bahawa perakuan tuntutan caruman yang kena dibayar (eksibit B) dan akuan penerimaan salinan taksiran tunggakan (eksibit D) hanyalah taksiran tunggakan caruman bagi bulan Februari sehingga Mac 2023.



[13] Melainkan penerimaan di atas, tidak ada sebarang bukti yang dikemukakan oleh plaintif yang menunjukkan bahawa salinan taksiran tunggakan caruman bagi bulan Februari sehingga April 2023 telah diakui terima oleh defendan-defendan. Dalam hal ini, beban pembuktian masih terletak dibahu plaintif untuk membuktikan bahawa terdapat penerimaan oleh defendan-defendan terhadap salinan tunggakan amaun taksiran caruman KWSP tersebut bagi pekerja-pekerja yang bekerja dan/atau masih bekerja dengan defendan pertama bagi tempoh Februari 2023 hingga April 2023 seperti mana yang dituntut.

Dapatan Mahkamah

[14] Dalam membuat penilaian bagi satu permohonan penghakiman terus, mahkamah ini merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan di dalam **CEMPAKA FINANCE BHD V HO LAI YING (TRADING AS KH TRADING) [2006] 2 MLJ 685** as below:

“Quite clearly, the Court of Appeal has put the burden on the plaintiff to prove his case in an O. 14 application. With respect, that cannot be the correct proposition of law. In an application under O. 14, the burden is on the plaintiff to establish the following conditions: that the defendant must have entered appearance; that the statement of claim must have been served on the defendant; that the affidavit in support must comply with r. 2 of O. 14 in that it must verify the facts on which the claim is based and must state the deponent's belief that there is no defence to the claim. (See **SUPREME LEASING SDN BHD V. DIOR ENTERPRISES &**



ORS [1989] 1 LNS 144; [1990] 2 MLJ 36.) Once those conditions are fulfilled, the burden then shifts to the defendant to raise triable issues. The law on this is trite.”

[15] Terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi. Seperti mana yang telah dinyatakan di dalam kes Mahkamah Persekutuan di dalam kes **NATIONAL COMPANY FOR FOREIGN TRADE V KAYU RAYA SDN BHD [1984] 2 MLJ 300, [1984] 2 CLJ 220** dimana Hakim pada waktu itu menetapkan syarat berikut:

- i) Defendan mestilah telah memasukkan kehadiran;
- ii) Writ Saman dan Penyataan Tuntutan mestilah telah diserahkan dengan sempurna; dan
- iii) Afidavit Sokongan mestilah mematuhi syarat-syarat di bawah Aturan 14 KKM 2012 iaitu menyatakan bahawa terdapat pembelaan bermerit.

[16] Saya telah meneliti semua syarat-syarat yang telah diprinsipkan di dalam kes tersebut di atas dan memutuskan bahawa plaintif telah memenuhi syarat-syarat awal tersebut, maka beban pembuktian sekarang bertukar kepada defendan-defendan untuk membuktikan mengapa satu penghakiman terus tidak sepatutnya dimasukkan terhadap mereka.

[17] Plaintif di dalam hujahan bertulis telah menjawab balas hujahan defendan-defendan berkenaan dengan serahan salinan taksiran tunggakan, di mana Plaintif telah menyerahkan sesalinan notis bertarikh



25.05.2023 kepada defendan pertama dan penyerahan notis tersebut telah diakui terima oleh Pengurusan HR defendan pertama bernama Nurlazfira seperti mana yang terkandung di dalam eksibit C dan eksibit D. Melalui surat bertarikh 10.07.2023, defendan pertama telah mengakui jumlah keberhutangan defendan-defendan sebagaimana notis bertarikh 25.05.2023. Surat bertarikh 10.07.2023 tersebut ditandatangani oleh defendan kedua selaku pengarah defendan pertama.

[18] Mahkamah juga mendapati plaintif melalui peguamcaranya turut menyerahkan defendan-defendan notis tuntutan bertarikh 17.10.2023 berdasarkan alamat berdaftar defendan pertama iaitu di B604, 2nd Floor, Taman Bandar Emas, Jalan Beserah, 25300 Kuantan Pahang dan di B24, Ground Floor, Jalan Tun Ismail 6, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur seperti mana yang terkandung di eksibit "H".

[19] Di dalam kes ini, plaintif berlandaskan kepada sesalanan perakuan tuntutan caruman yang kena dibayar di bawah Seksyen 64 Akta KWSP dan Borang E seperti mana di eksibit B yang jelas menunjukkan bahawa defendan pertama telah gagal untuk mengemukakan atau membayar carumah KWSP pekerja-pekerjanya bagi tempoh Februari 2023 sehingga April 2023 berjumlah sebanyak RM57,197.00. Mahkamah ini telah merujuk kepada satu kes di Mahkamah Rayuan di dalam **HOCK HUA BANK (SABAH) BHD v YONG LIUK THIN & ORS [1995] 2 MLJ 213** yang menyatakan seperti berikut:

"Whenever a court is required to judicially appreciate affidavit evidence, it is a necessary adjunct of that function to ascertain



whether allegations made are inherently improbable or inherently incredible or patently inconsistent with contemporaneous documents.”

[20] Mahkamah mendapati defendan-defendan tidak pernah mencabar kesahihan dokumen tersebut malah hanyalah membangkitkan isu mengapa jumlah tersebut tidak diperincikan. Pada hemat saya, di sini bukanlah medium yang sepatutnya dibangkitkan isu berkenaan dengan jumlah kiraan. Sekiranya jumlah tersebut adalah tidak tepat, defendan-defendan mestilah dapat menunjukkan kiraan mereka tersendiri dan telah membangkitkan isu ini semasa serahan tersebut dibuat. Namun di dalam kes ini, ialah sebaliknya. Mahkamah ini merujuk kepada kes **ORIENTAL BANK BERHAD V UNIPHOENIX CORPORATION BERHAD [2005] 7 MIJ 315** as below:

“The defendant must be estopped from raising the fourth issue because the defendant has accepted and admitted to the interest imposed by the plaintiff The consent on the part of the defendant to enter into the facility agreement (exh `IV - 1' annexed to the plaintiffs supporting affidavit) and the receipt of the letter of offer (exh `IMI-3' annexed to the plaintiffs supporting affidavit) which expressly showed the rate of interest to be charged clearly tied the hands of the defendant in that the defendant must be bound by it. Moreover, the defendant had, despite receiving the monthly statement from the plaintiff, never at any material time raised the issue of wrongful computation of the interest rate. Nor did the defendant ever raise about the existence of the



collateral agreement. In addition to that, the defendant had never at any material time raised the issue pertaining to the different interest rate despite demands for payment by the plaintiff (exh YMJ-4' and ,7MJ-5' annexed to the plaintiffs supporting affidavit). It must be borne in mind that correspondences between the parties showed that the defendant had admitted to the rate of interest that was imposed by the plaintiff I must categorically say that the defence of collateral agreement was only raised, for the very first time, when the plaintiff commenced the legal proceeding against the defendant”

[21] Mahkamah juga merujuk kepada kes **LEMBAGA KUMPULAN SIMPANAN PEKERJA v HOL CHAINSTORE (MALAYSIA) SDN BHD & ORS [2014] 7 MLJ 622** yang memutuskan seperti berikut:

“(2) Berikutan s 46Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 ('Akta EPF'), jika apa-apa sumbangan kekal tidak dibayar, oleh itu mana-mana orang yang berdaftar sebagai pengarah-pengarah syarikat semasa tempoh pengikaran tersebut, akan bersama dengan syarikat, secara bersesama dan berasingan bertanggungjawab untuk kesemua sumbangan, dividen dan faedah yang perlu dibayar. Sijil keberhutangan dibaca bersama dengan Borang E (Borang EPF 7) adalah bukti 'binding' dan 'conclusive' jumlah keseluruhan hutang tertunggak sehingga dan kecuali defendan pertama dan/atau pengarah-pengarah boleh membuktikan kesilapan jelas dalam pengiraan



sumbangan EPF yang perlu dibayar seperti yang dituntut oleh plaintif (lihat perenggan 7(a)).

(3) Defendan pertama tidak pernah berhubung dengan plaintif untuk mempertikaikan taksiran tersebut. Mengambil kira s 37A(2) Akta EPF yang memperuntukkan bahawa taksiran yang dibuat oleh inspektor atau pegawai Lembaga EPF (dalam Borang E) akan menjadi bukti yang mencukupi mengenai tuntutan Lembaga untuk mendapatkan semula apa-apa sumbangan di bawah s 65(1) Akta yang sama, taksiran yang dibuat oleh plaintif patut diterima oleh mahkamah (lihat perenggan 7(b)).”

[22] Saya juga telah meneliti secara keseluruhan kes ini, di mana selepas serahan notis bertarikh 25.05.2023 dibuat, defendan pertama telah menghantar satu surat permohonan penangguhan bayaran caruman tertunggak bertarikh 06.07.2023 yang mana jelas di situ defendan pertama mengakui dan mengesahkan bahawa defendan pertama belum membayar caruman KWSP bagi bulan Februari 2023 sehingga April 2023.

[23] Defendan pertama menjelaskan kepada plaintif bahawa permohonan penangguhan itu dibuat atas alasan pihak syarikat defendan pertama mempunyai masalah kewangan yang kritikal dan memohon penyelesaian tunggakan melalui pembayaran ansuran bulanan sebanyak 6 kali di mana bayaran sebulan adalah sebanyak RM9,532.00 yang telah ditandatangani oleh defendan kedua. Ini boleh dilihat di eksibit “E” di dalam kandungan 10.



[24] Mahkamah ini memutuskan bahawa pembelaan yang dikemukakan oleh defendan-defendan hanyalah sekadar untuk mencuba nasib dengan membangkitkan isu-isu untuk dibicarakan namun begitu saya mendapati ianya tidak bermerit dan bahawa ianya hanyalah bertujuan untuk melengah-lengahkan masa dan prosiding di mahkamah ini. Saya merujuk kepada satu kes di Mahkamah Persekutuan di dalam **VOO MIN EN & OTHERS V LEONG CHUNG FAH (1982) 2 MLJ 241** as below:

*“... it is not enough for the respondent in answer to the appellants’ application to sign final judgment, to raise an issue, or any issue. He must, however, raise such issue as would require a trial in order to determine it. In other words, the issue raised must be an arguable issue. **But where the issue raised is irrelevant and ineffective, or to use the words of Lord Greene, M.R. in Cow v Casey [1949] 1 KB 474, 481 “when the point is understood and the court is satisfied that it is really unarguable”, the appellants should be entitled to what they prayed for in the summons-in-chambers.***

[25] Justeru, berdasarkan fakta-fakta dan dokumen-dokumen yang dikemukakan di mahkamah ini, adalah jelas bahawa hujahan defendan-defendan hanyalah sekadar “bare denials” dan mahkamah berpendapat bahawa ini merupakan kes yang “straightforward”. Mahkamah merujuk kepada kes **CHEN HENG PIN V INTRADAGANG MERCHANT BANKERS (M) BHD [1995] 2 MLJ 363** yang menyatakan seperti berikut:

*“Defendants must provide answers on oath which constitute evidence that they have a defence which is fit to be tried. **Denials in a defence do not constitute evidence.**”*



Kesimpulan

[26] Setelah meneliti kandungan 9, eksibit-eksibit dan mengambil kira hujahan-hujahan yang telah difailkan oleh kedua-dua pihak, maka atas imbangan kebarangkalian, mahkamah membenarkan kandungan 9 dengan kos sebanyak RM1000 dibayar kepada plaintif.

BERTARIKH: 24^{HB} JULAI 2024



(NOR IZZATI BINTI ZAKARIA)

Majistret

Mahkamah Majistret

Kuantan, Pahang

Peguam:

Plaintif: Muhammad Saufi bin Mazlan daripada Tetuan Daing Khatijah & Amran

Defendan: Muhammad Danish bin Abdul Rasid daripada Tetuan Amar Syiimir Izzat & Sham

Kes-kes yang dirujuk:

- i) CEMPAKA FINANCE BHD V HO LAI YING (TRADING AS KH TRADING) [2006] 2 MLJ 685;
- ii) NATIONAL COMPANY FOR FOREIGN TRADE V KAYU RAYA SDN BHD [1984] 2 MLJ 300, [1984] 2 CLJ 220;



- iii) HOCK HUA BANK (SABAH) BHD v YONG LIUK THIN & ORS [1995] 2 MLJ 213;
- iv) ORIENTAL BANK BERHAD V UNIPHOENIX CORPORATION BERHAD [2005] 7 MIJ 315;
- v) LEMBAGA KUMPULAN SIMPANAN PEKERJA v HOL CHAINSTORE (MALAYSIA) SDN BHD & ORS [2014] 7 MLJ 622; dan
- vi) VOO MIN EN & OTHERS V LEONG CHUNG FAH (1982) 2 MLJ 241

Perundangan yang dirujuk:

- i) Seksyen 2 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991
- ii) Seksyen 45 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991
- iii) Seksyen 64 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991
- iv) Aturan 14, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012; dan
- v) Peraturan 3 (1) Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2001

